

Panduan untuk Menjawab Soalan Kemahiran Menulis 300/3

Tugasan 1

1. Esei mestilah berdasarkan kesemua bahan rangsangan yang diberikan.
2. Esei yang ditulis **tidak** perlu dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan kesimpulan.
3. Esei yang ditulis mestilah mengandungi **tiga** idea, iaitu berdasarkan bahan rangsangan.

Contoh tugasan

Tugasan 1

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Berdasarkan gambar, huraikan **faktor-faktor yang menggalakkan kedatangan pelancong ke Malaysia** dalam bentuk esei yang panjangnya **tidak melebihi 200** patah perkataan.

Industri Pelancongan



Contoh jawapan

Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang popular kerana negara ini banyak tempat bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana Malaysia pernah dijajah oleh empat kuasa besar, iaitu Portugis, Belanda, Inggeris, dan Jepun. Mereka meninggalkan pelbagai kesan sejarah, antaranya Kota A Famosa di Melaka dan Kellie's Castle di Perak. Pelancong dapat melihat kesan sejarah tersebut dengan lebih dekat dan dapat mengetahui sejarah Tanah Melayu yang pernah dijajah.

Gambar 1

Selain itu, Malaysia terkenal dengan keindahan alam semula jadi. Di negara ini terdapat pantai yang cantik dan bersih, seperti Pantai Simpang Mengayau di Sabah, pulau yang indah, seperti Pulau Redang, dan kawasan pergunungan, seperti Gunung Kinabalu. Kawasan pelancongan ini menjadi pilihan pelancong asing kerana kawasannya yang tenang dan dikelilingi oleh alam semula jadi. Selain menikmati keindahan alam semula jadi, mereka boleh meneroka khazanah alam di negara ini.

Gambar 2

Malaysia juga mempunyai masyarakat yang berbilang kaum. Tiga kaum yang utama di negara ini ialah orang Melayu, Cina, dan India. Di Sabah dan di Sarawak pula terdapat orang Iban, Kadazan, Melanau, dan lain-lain. Kepelbagaian kaum ini merupakan suatu yang unik. Setiap kaum mempunyai budaya dan adat resam yang berlainan. Keunikan budaya inilah yang menjadi daya tarikan pelancong asing ke negara ini. Pelancong asing tertarik untuk melihat sambutan perayaan, pakaian, dan menikmati makanan kaum-kaum di negara ini yang tiada di tanah air mereka.

Gambar 3

Tugasan 2

1. Esei mestilah berdasarkan tugasan yang diberikan.
2. Esei yang ditulis perlu dimulai dengan pendahuluan dan diakhiri dengan kesimpulan.
3. Esei yang ditulis mestilah mengandungi **empat** idea.

Contoh tugasan

Tugasan 2

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 60 minit]

Tulis esei yang panjangnya 450 patah perkataan berdasarkan tajuk di bawah.

Tahap kesihatan yang baik penting kepada rakyat di sesebuah negara. Jelaskan kepentingan kesihatan kepada rakyat dan cadangkan usaha-usaha untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat di negara ini.

Contoh jawapan

Tahap kesihatan yang baik sememangnya menjadi idaman setiap orang. Namun demikian, tidak semua individu dapat menikmatinya. Sesetengah individu pula hanya menyedari nikmat tersebut setelah mereka mengalami masalah kesihatan. Tahap kesihatan yang baik pula bukan sahaja dilihat dari segi fizikal tetapi juga dari segi mental seseorang. Dengan perkataan lain, kesihatan fizikal dan mental harus diutamakan memandangkan situasi ini penting kepada setiap individu. Untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat pula, pelbagai usaha wajar dilakukan.

Pendahuluan

Rakyat yang sihat dapat melaksanakan aktiviti harian dengan lancar. Sebagai contoh, pelajar dapat ke sekolah untuk menimba ilmu pengetahuan, manakala orang dewasa pula dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan. Rakyat yang sihat bukan sahaja dapat memberikan sumbangan tenaga tetapi juga dapat berkongsi idea yang bernas untuk kepentingan umum. Situasi ini secara tidak langsung membantu peningkatan produktiviti dalam pelbagai bidang yang akhirnya mendatangkan faedah kepada rakyat dan negara.

Idea 1

Tahap kesihatan yang baik juga penting untuk setiap individu menjalani kehidupan yang sejahtera. Hal ini dikatakan demikian kerana ahli keluarga yang sihat dapat menjalani kehidupan tanpa tekanan berbanding dengan orang lain yang menghadapi pelbagai jenis penyakit. Mereka tidak perlu menghabiskan masa untuk ke sana ke mari bagi menjalani rawatan. Golongan yang bernasib baik ini juga tidak perlu menghabiskan wang untuk merawat penyakit tertentu, terutama penyakit kronik. Situasi ini penting untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Tegasnya, tahap kesihatan yang baik menjadi pemangkin kehidupan yang sejahtera.

Idea 2

Untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat, amalan pemakanan yang seimbang adalah penting. Sehubungan dengan itu, setiap individu hendaklah memastikan bahawa makanan yang diambil hendaklah mengandungi pelbagai nutrien yang diperlukan untuk meningkatkan imuniti badan. Sebagai contoh, makanan yang dimaksudkan itu seharusnya mengandungi protein, karbohidrat, dan kalsium. Piramid Makanan Malaysia oleh Kementerian Kesihatan wajar dijadikan panduan dalam pengambilan makanan. Usaha ini penting untuk mengurangkan risiko obesiti, diabetes, dan tekanan darah tinggi. Tegasnya, pengambilan makanan yang seimbang merupakan amalan penting untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat.

Idea 3

Selain itu, aktiviti bersenam juga penting untuk menjaga kesihatan. Perlu diingat bahawa semasa bersenam, organ seseorang menjadi aktif. Pembakaran lemak berlaku dan badan mengeluarkan peluh. Jantung pula berfungsi dengan baik untuk mengalirkan darah ke seluruh badan. Dengan perkataan lain, aktiviti bersenam ternyata dapat menyihatkan fizikal dan seterusnya mencerdaskan mental seseorang. Walaupun begitu, aktiviti ini tidak mungkin berkesan sekiranya dilakukan sekadar melepaskan batok di tangga. Tegasnya, senaman secara terancang dan berterusan perlu dijadikan amalan.

Idea 4

Kesimpulannya, tahap kesihatan yang baik amat penting, khususnya untuk melancarkan aktiviti harian seseorang, di samping membantu kesejahteraan hidup mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, setiap anggota masyarakat seharusnya meningkatkan disiplin diri, khususnya melalui amalan pemakanan dan pelaksanaan aktiviti bersenam. Warganegara yang bertanggungjawab perlu menyedari bahawa tahap kesihatan yang tinggi tidak kurang pentingnya kepada negara. Sekiranya setiap individu menyedari hal ini dan mengamalkan gaya hidup sihat, matlamat untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat di negara ini akan menjadi kenyataan.

Kesimpulan